



Transaksi Harta Orang Hilang Menurut Syarak dan Undang-undang

Transactions of Missing Person's Property from Syariah and Legal Perspectives

MOHD KAMARUL KHAIDZIR SAADAN
(Corresponding Author)

Jabatan Syariah, Fakulti Syariah dan Undang-Undang
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS),
Bangi Selangor khaidzir@kuis.edu.my

MOHAMAD SABRI HARON
Pusat Citra, Universiti Kebangsaan Malaysia
Bangi Selangor
sabrie@ukm.edu.my

AHMAD MURSHIDI MUSTAPHA
Jabatan Syariah, Fakulti Syariah dan Undang-Undang
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS),
Bangi Selangor
ahmadmurshidi@kuis.edu.my

Transaksi Harta Orang Hilang

116

Submitted: 11 February 2019
Revised: 8 March 2019
Accepted: 24 April 2019
E-Published: 25 April 2019

ABSTRAK

Terdapat peraturan yang telah digariskan oleh Islam dan undang-undang dalam menangani kes-kes harta orang hilang. Perbincangan tentang status harta mereka menjadi perhatian para sarjana kerana transaksi harta tersebut melibatkan pelbagai pihak yang berkepentingan. Islam sangat menekankan penyelesaian segera terhadap kes-kes berkaitan agar masalah semua pihak terpelihara disamping dapat mengelakkan kebekuan harta dan kesulitan di kemudian hari. Menurut perangkaan hingga 2016 harta yang tidak dituntut dianggarkan berjumlah RM6.6 bilion di dalam institusi kewangan yang melibatkan 18 juta pendeposit manakala dianggarkan lebih RM60 bilion dalam bentuk harta benda seperti hartanah, rumah dan kenderaan. Tujuan kertas ini adalah untuk menganalisis pendapat para fuqaha dalam isu penggunaan dan transaksi harta orang hilang sepanjang tempoh kehilangan. Analisis turut melibatkan aspek perundangan di Malaysia dari sudut peruntukan dan praktis. Metodologi kajian yang digunapakai adalah melalui pendekatan kualitatif dengan melakukan pengumpulan maklumat dari sumber-sumber perpustakaan, jurnal dan laman sesawang yang berwibawa. Hasil kajian ini diharapkan dapat memberikan panduan kepada pemilik harta, ahli waris dan pihak-pihak yang





berkepentingan dalam menguruskan harta orang hilang dengan cara yang lebih tepat dan sistematik.

Kata kunci: Orang Hilang, Harta Pusaka, Muamalah, Perundangan Islam, Undang-Undang

ABSTRACT

Islam does provide law in dealing with a missing person's property. The discussion on the status of this property attracts the attention of the scholars as the property transactions involved various stakeholders. Islam strongly emphasises the immediate solution of relevant cases in order to ensure that interest of all parties are protected as well as to avoid frozen property and hardship in the future. Until 2016, the statistics show that the unclaimed property was estimated at RM6.6 billion in financial institutions involving 18 million depositors while it was estimated to worth RM60 billion in properties such as real estate, houses and vehicles. The purpose of this paper is to analyse the opinions of the jurists on the issue of the transactions of the missing person's property during the period of his missing. The analysis also involves the legal aspects of Malaysian law and its practice. The methodology of the study employs qualitative research which encompasses library sources, journals and reliable internet sources. The result of this study is expected to provide guideline to property owners, heirs and stakeholders in managing the missing person's property in more accurate and systematic manner.

Keywords: Missing Persons, Inheritance, Muamalah, Islamic Jurisprudence, Law.

PENDAHULUAN

Perbincangan mengenai status orang hilang sememangnya menjadi topik penting dalam bidang perundangan bahkan menjadi isu global yang perlu ditangani dengan sebaiknya. Bencana besar seperti tragedi tsunami pada 26 Disember 2004 melibatkan 13 buah negara dan peristiwa serangan pada 9 November 2001 ke atas Pusat Dagangan Dunia New York memaksa beberapa buah negara melihat kembali peruntukan perundangan sedia ada.

Manakala di Malaysia, isu orang hilang menjadi sebutan ramai apabila berlaku tragedi kehilangan pesawat milik Sistem Penerbangan Malaysia (MAS), yang membawa bersama-samanya 239 penumpang dan anak kapal ketika dalam perjalanan dari Kuala Lumpur ke Beijing pada 8 Mac 2014. Setelah usaha mencari selama 327 hari dilakukan dan tidak menemui apa-apa petunjuk yang kuat, maka pada 29 Januari 2015, Kerajaan Malaysia mengisytiharkan bahawa semua penumpang dan anak kapal pesawat malang itu telah terkorban. (Berita Harian, 2014). Menurut laporan Statistik Orang Hilang Ibu Pejabat Polis Bukit Aman pada 2013, 4998 orang hilang dilaporkan, 2382 orang iaitu kira-kira 48% dijumpai semula. 45% dari mereka yang hilang berusia 18 tahun ke bawah. (PDRM, 2013)

DEFINISI ORANG HILANG DAN TEMPOH MENUNGGU

Pentafsiran orang hilang memerlukan penjelasan awal dari sudut istilah bagi memastikan pengertiannya dapat difahami dengan sempurna dan tepat kerana ia menjadi landasan teori kepada kajian ini. Para ulama berbeza-beza pandangan dalam menentukan maksud dan ciri-ciri orang hilang.

Mazhab Hanafi mendefinisikan sebagai seseorang yang hilang tanpa diketahui di mana berada sama ada masih hidup atau mati (Ibn 'Abidin, 2003). Manakala al-Mausili dilihat lebih terperinci iaitu seseorang yang hilang dari kaum keluarga dan tempat tinggalnya, dan tidak diketahui sama ada masih hidup atau mati serta di mana berada hinggalah berlalu satu tempoh yang panjang akan kehilangannya (al-Mausili, t.t).

Fuqaha Maliki juga memberikan definisi yang hampir sama iaitu seseorang yang tidak sampai beritanya kepada pemerintah, juga tidak sampai kepadanya surat utusan, bahkan anggota keluarga dan ketuanya juga tidak tahu di mana dia berada. Setelah pemerintah mengarahkan pencarian namun gagal dijumpai maka hendaklah ditentukan tempoh hilangnya (Malik, 1994). Manakala fuqaha Syafi'i dan Hanbali menambah dalam tafsiran mereka para tawanan perang dan pengembara yang terputus khabar berita (Al-Nawawi, 1992) (Al-Bahuti, 1982).

Walaupun terdapat perbezaan dari sudut pentakrifan, namun pada hakikatnya terdapat persamaan dari sudut prinsipnya. Berdasarkan pentafsiran-pentafsiran tersebut, bolehlah dirumuskan bahawa seseorang itu dianggap hilang apabila:

- i. Terputus khabar berita
- ii. Tidak diketahui di mana berada.
- iii. Tidak diketahui sama ada hidup atau mati.
- iv. Telah dilakukan usaha pencarian yang bersungguh-sungguh.
- v. Berlalu tempoh yang boleh dianggap hilang.

Para fuqaha melihat secara positif dengan menganggap orang yang hilang itu masih hidup sehinggalah dapat dibuktikan dengan kukuh bahawa dia telah mati. Pendirian para fuqaha ini berdasarkan kaedah *istishab* iaitu sesuatu hukum itu merujuk kepada keadaan asal sehinggalah ada dalil yang menunjukkan sebaliknya. Maka dalam tempoh tersebut hartanya tidak boleh diwarisi, digunakan, diniagakan atau dijual sehinggalah statusnya diputuskan oleh pemerintah.

Menurut pandangan mazhab Hanafi, Syafi'i dalam *qawl jadid*, Hanbali jika hilang dalam situasi aman dan Dzahiri, harta orang hilang tidak boleh wariskan dan isteri hendaklah menunggu sehingga satu tempoh yang diyakini beliau telah mati atau perintah anggapan mati oleh mahkamah. Pandangan jumhur fuqaha ini bersandarkan kepada beberapa dalil antaranya hadis riwayat al-Darqutni, al-Baihaqi dan al-Zaila'ie, Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:



Isteri orang yang hilang masih dianggap isterinya sehingga datang perkhabaran atau pembuktian yang nyata baginya.

(Sunan al-Darqutni, Kitab Nikah, Bab Mahar, No. 3789;
Sunan Kubra, Kitab Bilangan, Bab Iddah Isteri, No. 15086)

Selain itu berdasarkan kaedah *istishab* iaitu status hidup dan akad perkahwinan mereka masih kekal selagimana tiada petunjuk orang hilang telah mati. Justeru manamana pihak tidak boleh memutuskan status orang hilang atau membubarkan perkahwinan mereka tanpa petunjuk yang kuat. Sekiranya tiada khabar berita dalam sesuatu tempoh menunggu dan diyakini orang hilang telah mati, maka isteri dan ahli waris boleh memohon perintah anggapan mati dari mahkamah. Perkiraan tempoh menunggu ini adalah atas penelitian dan pertimbangan pemerintah berdasarkan prinsip menjaga kemaslahatan pihak-pihak yang terlibat.

Manakala mazhab Maliki, Syafi'i dalam *qawl qadim*, Hanbali jika hilang dalam situasi tidak aman dan lbadhi pula berpandangan isteri dan ahli waris hendaklah menunggu sehingga empat tahun sebelum memohon fasakh dan perintah anggapan mati oleh mahkamah. Pandangan ini bersandarkan kepada beberapa dalil antaranya ialah ijtihad Umar al-Khattab RA. Dalam sebuah *athar* sahabat diriwayatkan bahawa Umar al-Khattab RA telah memutuskan bagi kes orang hilang, si isteri hendaklah menunggu sehingga empat tahun *qamari* kemudian barulah wali suaminya menceraikannya. Si isteri hendaklah beriddah selama empat bulan sepuluh hari sebelum beliau boleh berkahwin lain. Para sahabat pada zaman tersebut bersetuju dan bersependapat dengan pandangan Umar hingga mencapai status *ijma' sukuti*. Apabila diputuskan sedemikian dalam membenarkan perkahwinan isteri orang hilang tersebut dalam keadaan berwaspada menjaga kehormatan wanita tersebut, maka dalam urusan pembahagian harta, ia lebih utama supaya berhati-hati dan berwaspada dalam mengagihkannya. (al-Dusuqi, t.t), (al-Shirbini, 2000), (al-Bahuti, 1982), (Ibn Qudama, 1998).

Pandangan yang paling kuat dan lebih sesuai dengan situasi pada zaman ini adalah pandangan jumhur fuqaha iaitu penentuan tempoh tersebut diputuskan oleh hakim tanpa menetapkan tempoh khusus untuk menunggu. Perkara tersebut diserahkan sepenuhnya kepada ijtihad pemerintah sama ada bagi situasi yang selamat ataupun situasi yang kebiasaannya berlaku kemusnahan atau kematian. Keputusan hakim atau pemerintah adalah keputusan yang paling sesuai untuk menjaga kemaslahatan orang hilang dan ahli waris. Hal yang demikian kerana seorang hakim akan menyiasat segala bukti untuk memastikan sama ada orang hilang tersebut masih hidup atau telah meninggal dunia. Adalah tidak sesuai pada zaman ini jika membiarkan harta beku tanpa diagihkan dalam satu tempoh yang begitu lama atau empat tahun sedangkan pemerintah berkemampuan untuk melakukan penyiasatan dan mendapatkan segala bukti yang menunjukkan keadaan orang hilang tersebut walaupun sekadar sangkaan yang kuat (*ghalabah al-dzan*). Apatah lagi terdapat pelbagai peralatan dan alat perhubungan moden pada zaman ini yang membolehkan kita mendapatkan sebarang maklumat yang tidak sukar diperolehi pada zaman dahulu.



TRANSAKSI HARTA ORANG HILANG MENURUT SYARIAH

Secara dasarnya, fuqaha bersepakat bahawa orang hilang ia tidak dianggap sebagai mati kerana asalnya adalah hidup kecuali ada bukti yang menunjukkan orang hilang itu telah mati, atau telah sampai tempoh pada kebiasaan secara *dzanni* bahawa dia tidak hidup lebih dari usia itu. Oleh itu, orang hilang tidak boleh dianggap sebagai telah meninggal dunia sebaik sahaja didapati hilang, manakala hartanya tidak boleh digunakan atau diwariskan (Saqqa, 2008).). Kematian pemilik harta adalah menjadi syarat utama dalam mewarisi harta pusaka, sedangkan orang hilang adalah orang yang masih dalam tempoh pencarian.

Al-Sabuni menyatakan bahawa fuqaha menetapkan hukum berkaitan orang hilang adalah tidak boleh dikahwini isterinya, tidak boleh diwarisi hartanya serta tidak boleh dibelanjakan sehinggalah diketahui keadaannya sama ada masih hidup atau mati. Dalam hal ini fuqaha juga melihat kepada suatu tempoh pada kebiasaannya secara *dzanni* orang yang hilang itu akan mati dalam tempoh tersebut, serta hakim menetapkan sebagai telah mati (Al-Sabuni, 2008).

Ini bermakna, segala harta alih atau tidak alih hak milik orang hilang tidak boleh dijadikan sebagai harta pusaka, dan tidak boleh dibelanjakan atau dirosakkan harta tersebut, kerana harta tersebut masih kekal menjadi hak miliknya sehinggalah ditetapkan oleh hakim atau pihak yang berkewajipan bahawa beliau telah mati atau dikira sebagai mati *hukmi*. Harta dan haknya hendak dipelihara, tidak boleh diagihkan atau dibelanjakan oleh ahli warisnya sehinggalah telah ada bukti yang menyatakan sebaliknya (Saqqa, 2008).

Namun begitu kehilangan orang hilang dalam tempoh yang lama sudah pasti membawa kesulitan kepada ahli keluarga yang tinggal terutama pada perkara-perkara yang melibatkan kewangan. Ini kerana orang hilang turut mempunyai komitmen, tanggungjawab dan liabiliti yang perlu ditunaikan seperti hutang pinjaman, caruman takaful, nafkah, bil-bil bulanan dan sebagainya. Sebagai contoh pinjaman perumahan dan kenderaan beliau perlu dijelaskan setiap bulan bagi mengelakkan caj tambahan dan pelanggaran akad yang boleh membawa kemudaratkan kepada ahli keluarga yang tinggal. Dalam hal ini, sejauhmana syarak membenarkan ahli keluarga orang hilang atau wakilnya menggunakan harta beliau bagi tujuan-tujuan tersebut? Adakah transaksi yang dilakukan sepanjang ketiadaannya sah di sisi syarak?

Fuqaha telah membahagikan pengurusan harta orang hilang sepanjang ketiadaannya kepada tiga keadaan iaitu; (i) orang hilang meninggalkan hartanya kepada pemegang amanah, (ii) orang hilang telah mewakilkan kepada seseorang untuk mentadbir hartanya sebelum kehilangan, dan (iii) orang hilang tidak mewakilkan kepada sesiapa sebelum kehilangannya.

Orang Hilang Meninggalkan Hartanya Kepada Pemegang Amanah

Adalah menjadi tanggungjawab pemegang amanah untuk menjaga dan menguruskan harta wadiah sepanjang tempoh yang disepakati atau tempoh ketiadaan orang hilang. Wadiah merupakan kontrak di antara satu pihak yang memiliki barang dengan pihak yang diamanahkan untuk berjanji menyimpan barang dengan tujuan untuk dijamin keselamatannya dari kecurian, kerosakan, kehilangan dan seumpamanya. Sekiranya berlaku kerosakan kepada barangan, pihak yang menjaganya tidak diminta membayar gantirugi kecuali ia disebabkan oleh kecuaiannya. Wadiah bentuk amanah (*Yad al-Amanah*) ini boleh berubah menjadi bentuk jaminan (*Yad al-Dhamanah*) apabila pemegang amanah barang atau wang menggunakannya dengan syarat telah memperoleh keizinan dari tuannya seperti yang berlaku dalam industri kewangan. Justeru pemegang amanah tidak boleh menggunakan harta wadiah melainkan dengan syarat-syarat yang telah dipersetujui seperti membeli keperluan dan membayar hutang. Firman Allah yang bermaksud;

Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menunaikan amanah-amanah yang diserahkan kepada kamu terhadap pemiliknya.

(al-Nisa', 4 :58)

Ulama telah meletakkan beberapa garis panduan dan syarat dalam menjaga amanah harta orang hilang ini. Pemegang amanah hendaklah melaksanakan tanggungjawab menjaga harta wadiah sepanjang ketiadaan orang hilang sebagaimana yang dipersetujui dalam akad wadiah. Sebarang transaksi dan penggunaan harta adalah berdasarkan syarat-syarat yang telah dipersetujui dalam akad. Pemegang amanah tidak boleh menjual atau menyerahkan harta tersebut kepada orang lain jika mampu menjaganya dan harta tersebut bukanlah dari jenis mudah rosak, susut nilai dan seumpamanya. Harta tersebut hendaklah dikembalikan semula kepada pemiliknya apabila tamat tempoh akad atau beliau telah kembali. Sekiranya pemerintah mengisytihar anggapan mati maka harta tersebut hendaklah diserahkan kepada warisnya (al-Bugha, 2005), (al-Dusuqi, t.t), (Ibn 'Abidin, 2003), (al-Ramli, 1968).

Pemegang amanah boleh menarik diri dari menjadi diri daripada wadiah pada bila-bila masa yang dikehendaki sama seperti dalam wakalah. Walau bagaimanapun penarikan diri ini dibolehkan jika tidak ditentukan masa menjalankan amanah serta tidak bimbang boleh berlaku kemudaratan kepada harta. Dalam situasi pemegang amanah tidak mampu seperti sakit tenat dan dikhuatiri mendatangkan kemudaratan jika terus menyimpannya atau harta tersebut jenis mudah rosak, maka ia hendaklah diserahkan kepada pemerintah. Ini adalah pandangan majoriti fuqaha Shafi'i, dan satu riwayat dari Hanbali (al-Ramli, 1968), (al-Bahuti, 1982). Manakala fuqaha Maliki, Hanbali dan al-Izz ibn 'Abd al-Salam berpandangan harta tersebut boleh dijual atau disedekahkan kepada orang Islam kerana perbuatan tersebut lebih mendatangkan kebaikan berbanding dengan terus menyimpannya. Hanbali mensyaratkan sedekah tersebut hendaklah disertakan dengan niat akan membayar gantirugi jika pemiliknya



kembali atau memaklumkan kepada ahli waris jika telah diisytiharkan mati. (Malik, 1994), (al-Ramli, 1968), (al-Bahuti, 1982).

Pandangan yang lebih tepat dan sesuai pada zaman ini ialah menyerahkan harta tersebut kepada pemerintah. Pemerintah hendaklah bertindak dengan menjaga kemaslahatan harta dan hak orang hilang serta tanggungannya sepanjang tempoh tersebut. Dalam hal ini seorang pentadbir harta yang baru akan dilantik dengan syarat-syarat yang ditentukan. Al-izz ibn 'Abd al-Salām mensyaratkan serahan tersebut hendaklah dengan keyakinan pentadbir harta yang akan dilantik adalah jujur, amanah dan berwibawa. Jika sebaliknya dan dikhuatiri mendatangkan kemudharatan yang lebih besar, maka pemegang amanah tidak boleh menyerahkan kepada pemerintah dan hendaklah menjual atau menyedekahkan kepada orang Islam.

Orang Hilang Telah Mewakilkkan Kepada Seseorang Untuk Mentadbir Hartanya

Seseorang boleh mewakilkkan orang lain untuk menggantikannya dirinya sepanjang ketiadaannya. Konsep ini panggil wakalah yang bermaksud menyerahkan atau melantik seseorang untuk menjadi wakil dalam menjalankan sesuatu pekerjaan atau urusan dengan syarat perkara tersebut haruslah perkara yang dibolehkan oleh syarak dan ianya merangkumi pelbagai aspek yang boleh diwakilkkan tidak kira dalam perniagaan, perundangan, perkahwinan mahupun urusan seharian. Pensyariatan kontrak wakalah ini adalah bukti bahawa manusia itu sifatnya lemah, tidak boleh hidup bersendirian dan memerlukan antara satu sama lain untuk menguruskan hal ehwal kehidupannya.

Menurut fuqaha Maliki, Shafi'i dan Hanbali, wakalah adalah tindakan seseorang mewakilkkan kepada orang lain perkara-perkara yang boleh dilakukannya yang terdiri daripada perkara yang boleh diwakilkkan semasa hayatnya. Tindakan itu tidak dikaitkan dengan pemberian kuasa setelah mati, kerana jika dikaitkan dengan tindakan setelah mati bererti sudah berbentuk wasiat (al-Zuhayli, 1997), (al-Jaziri, 2001), (al-Shirbini, 2000). Manakala menurut fuqaha Hanafi ialah menyerahkan tugas kepada orang lain untuk melakukan sesuatu perkerjaan yang diharuskan syarak atau sebagai mewakilkkan seseorang untuk menyerahkan dan menjaga sesuatu perkara kepada wakil. Hal ini merangkumi segala pengendalian dan juga pengurusan harta dalam bentuk jual beli atau perkara-perkara yang boleh diwakilkkan seperti izin untuk masuk (al-Zuhayli, 1997), (al-Jaziri, 2001), (Ibn al-Humam, 1993).

Dalam konteks pengurusan harta orang hilang, seorang wakil itu berhak menjalankan urusan-urusan berkaitan harta beliau selagimana akad dan persetujuan antara dua pihak masih berjalan. Sementara itu persetujuan awal antara kedua belah pihak hendaklah mematuhi syarat-syarat sah wakalah. Syarat ini bergantung kepada terma yang telah diberikan oleh pewakil kepada wakil dan juga perkara-perkara yang diwakilkkan itu (al-Zuhayli, 1997). Para fuqaha telah meletakkan syarat-syarat tertentu kepada semua rukun dalam wakalah iaitu syarat kepada pewakil, wakil dan juga syarat bagi perkara yang diwakilkkan.



Pewakil adalah disyaratkan orang yang berhak dan berkelayakan untuk mengendalikan harta yang hendak diwakilkan. Oleh itu, tidak sah sekiranya pewakil itu merupakan seorang yang gila atau kanak-kanak yang belum mumayyiz. Seorang kanak-kanak yang mumayyiz hanya boleh melantik wakil dalam perkara-perkara yang bermanfaat sahaja dan sekiranya diberi keizinan oleh walinya seperti dalam urusan jual beli dan sewaan. Pandangan fuqaha Shafi'i, Maliki dan Hanbali menolak perwakilan yang dilakukan oleh seorang kanak-kanak kerana ia sendiri tidak berupaya dan berkelayakan untuk mengendalikan pekerjaan tersebut (al-Zuhayli, 1997), (al-Jaziri, 2001), (al-Shirbini, 2000).

Wakil yang hendak dilantik mestilah seorang yang berakal dan baligh menurut jumhur fuqaha. Fuqaha Shafi'i, Maliki dan Hanbali menegaskan bahawa tidak sah melantik seorang wakil daripada kanak-kanak walaupun mumayyiz kerana mereka tidak dipertanggungjawabkan dengan hukum-hukum syarak. Manakala fuqaha Hanafi pula menyatakan sebaliknya iaitu sah melantik wakil daripada seorang kanak-kanak yang mumayyiz (al-Zuhayli, 1997), (al-Jaziri, 2001).

Perkara-perkara yang diwakilkan (*muwakkal fih*) pula mestilah sesuatu yang diharuskan syarak dan diketahui oleh wakil. Ini kerana sekiranya perkara tersebut adalah haram dan ditegah syarak maka hukum pelantikan itu tidak sah dan terbatal dengan sendirinya. Manakala jika wujud kesamaran atau tidak diketahui oleh wakil perkara-perkara yang diwakilkan maka dikhuatiri akan berlaku penipuan dan boleh menyebabkan implikasi yang buruk (al-Nawawi, 2003). Di samping itu, perkara yang hendak diwakilkan mestilah hak milik pewakil. Perwakilan juga mestilah perkara yang diharuskan untuk diwakilkan seperti dalam urusan atau kendalian harta, memungut atau menjelaskan hutang, perkahwinan dan perundangan. Para fuqaha mengharuskan perwakilan yang berkaitan dengan penerimaan dan pembayaran harta contohnya seperti pembayaran zakat, kafarah dan sedekah. Selain itu, diharuskan melantik wakil bagi urusan penyembelihan korban dan haji atau umrah dengan syarat pewakil tidak berkemampuan dari sudut fizikal untuk melaksanakan ibadah tersebut (al-Zuhayli, 1997).

Wakalah adalah kontrak yang melibatkan hubungan dua hala iaitu antara pewakil dan wakil serta bergantung kepada masa, tempat dan keadaan. Kontrak ini bersifat sementara dan akan berakhir apabila beberapa perkara yang telah dipersetujui tercapai. Antara perkara yang menyebabkan berakhirnya kontrak wakalah iaitu apabila perkara yang diwakilkan telah selesai dilaksanakan oleh wakil. Setelah urusan atau pekerjaan yang diwakilkan telah dilaksanakan oleh wakil maka tiada lagi urusan antara pewakil dengan wakil dan berakhirnya wakalah antara kedua-dua belah pihak (al-Zuhayli, 1997), (al-Bugha, 2005).

Selain itu, ianya juga berakhir apabila pewakil melucutkan keahlian wakil atau pewakil menarik semula urusan yang diwakilkan daripada wakilnya berdasarkan sebab-sebab yang tertentu dan mestilah tidak melanggar segala syarat semasa akad dilakukan. Kontrak ini juga akan tamat apabila salah satu pihak daripada pewakil atau wakil hilang keupayaan seperti perkara yang diwakilkan tidak lagi menjadi pemilik pewakil



atau bukan lagi dibawah jagaannya. Begitu juga sekiranya wakil hilang keupayaan untuk menguruskan urusan yang diwakilinya seperti meninggal dunia atau gila yang berterusan. Dalam situasi yang melibatkan pewakil hilang, wakil adalah berhak menjalankan segala urusan yang diwakilkan seperti yang dipersetujui dalam kontrak selagimana pewakil tidak diisytiharkan mati. Namun begitu jika wakil menarik diri daripada melakukan urusan yang diwakilkan atau enggan meneruskan tugasnya maka kontrak wakalah akan terbatal dengan sendirinya (al-Zuhayli, 1997), (al-Ramli, 1968), (Ibn 'Abidin, 2003), (al-Dusuqi, t.t), (al-Shirbini, 2000), (Al-Bahuti, 1982). Fuqaha Hanafiyyah pula berpandangan tugas wakil adalah terhad kepada menjaga harta pewakil sahaja dan tidak boleh bertindak lebih dari itu. Ini kerana hak menjalankan transaksi ke atas harta orang hilang diharuskan kepada ahli waris sahaja (Ibn al-Humam, 1993), (Ibn 'Abidin, 2003), (Ibn Nujaym, 1997).

Orang Hilang Tidak Mewakilkkan Kepada Sesiapa Untuk Mentadbir Hartanya

Keluarga atau waris orang hilang akan menghadapi kesukaran mentadbir harta beliau sekiranya orang hilang tidak mewakilkkan kepada sesiapa untuk mentadbir hartanya. Apatah lagi tempoh kehilangan beliau mengambil masa yang begitu lama sehingga menunggu keputusan status orang hilang oleh mahkamah. Pada masa yang sama keluarga yang ditinggalkan perlu memenuhi tuntutan hidup selain daripada kehilangan tulang belakang keluarga tersebut. Keadaan ini menjadi lebih sukar apabila harta orang hilang dibekukan dari sebarang transaksi dan ahli keluarga perlu menggunakan saluran undang-undang untuk mendapat hak mereka.

Dalam situasi ini, pemerintah berhak memberikan keizinan kepada keluarga orang hilang untuk menggunakan harta beliau dengan tujuan menampung keperluan hidup. Tindakan pemerintah adalah atas dasar menjaga masalah dan mengelakkan kesulitan sama ada kepada orang hilang ataupun ahli keluarganya. Kebenaran menguruskan harta ini meliputi keperluan asas, tanggungan, hutang-piutang dan lain-lain yang berkaitan. Bagi memudahkan pentadbiran, hakim akan melantik seorang atau lebih pentadbir harta yang kebiasaannya terdiri daripada ahli keluarga terdekat berdasarkan syarat-syarat yang telah ditetapkan. Pentadbir harta yang dilantik akan menguruskan harta orang hilang ini sementara menunggu beliau kembali atau pengisytiharan anggapan mati oleh mahkamah. Dalam hal ini pentadbir harta mewakili pemilik harta dalam perkara-perkara yang ditentukan oleh pemerintah.

Secara umumnya, isteri dan anak-anak dibolehkan membelanjakan harta orang hilang dengan tujuan menampung kehidupan dan perbelanjaan harian sahaja. Namun sekiranya isteri tidak mampu bersabar atau tidak memiliki harta, maka isteri berhak mendapatkan bahagian tertentu dari harta suaminya yang dibekukan pada tingkat hajat melalui proses pengadilan. Permohonan tuntutan harta hanya melibatkan harta alih sahaja seperti wang tunai dan kenderaan. Harta yang bersifat tidak alih seperti tanah dan kereta tidak boleh dituntut bahagiannya dijual untuk tujuan kelestarian hidup melainkan dalam situasi yang terdesak (al-Zuhayli, 1997), (Fatwa Brunei, 1999).



Dalam konteks pengurusan harta yang lebih baik dan sistematik, kebekuan dan pelupusan harta adalah perkara yang seharusnya dielakkan. Justeru itu majoriti fuqaha berpandangan pemerintah juga berhak memberi izin untuk menyewakan atau menyerahkan kepada pihak lain sebagai wadiah (pegangan amanah) atau pentadbir harta sekiranya cara tersebut lebih baik dalam mengekalkan kualiti atau mengembangkan harta. Di samping itu dibolehkan memberikan keizinan menjual harta orang hilang sebagai jalan terakhir sekiranya harta tersebut dalam kategori mudah rosak atau luput sedangkan tiada alternatif lain yang boleh mengekalkan sifat asal harta itu (Ibn 'Abidin, 2003), (Al-Dusuqi, t.t), (Al-Shirbini, 2000), (Al-Bahuti, 1982)

Pandangan fuqaha dalam situasi ini bolehlah dirumuskan seperti berikut:

- i. Kuasa memberikan keizinan ke atas sebarang transaksi dan penggunaan harta orang hilang adalah menjadi tanggungjawab pemerintah atau hakim.
- ii. Pemerintah atau hakim berkuasa untuk melantik pentadbir harta sebagai wakil kepada pemilik harta dengan syarat-syarat yang ditentukan.
- iii. Harta yang ditinggalkan oleh orang hilang tidak boleh digunakan melainkan pada perkara-perkara yang berkaitan dengan keperluan dan tanggungan seperti perbelanjaan ahli keluarga dan hutang-piutang.
- iv. Dalam keadaan tertentu, pemerintah berhak memberi izin kepada ahli waris untuk menguruskan harta orang hilang seperti menyewakan atau menjalankan urusniaga demi menjaga kemaslahatan harta.
- v. Pemerintah juga berhak memberi izin pentadbir harta untuk menjual harta dalam kategori mudah rosak, luput atau susut nilai sekiranya tiada alternatif lain yang boleh mengekalkan sifat dan nilai harta tersebut.
- vi. Syarat-syarat pengurusan harta orang hilang hendaklah berdasarkan menjaga kemaslahatan harta dan pemiliknya serta mengelakkan kemudaratan dan kerosakan.

TRANSAKSI HARTA ORANG HILANG MENURUT UNDANG-UNDANG

Menurut undang undang, harta atau pemilikan seseorang itu tidak boleh digunakan, dipindah milik, dilupuskan atau dilakukan transaksi melainkan dengan kebenaran pemilik atau perintah mahkamah. Walau bagaimanapun, seseorang itu boleh mewakilkan seseorang yang lain untuk mewakili dirinya sama ada semasa keberadaan pewakil atau sepanjang ketiadaannya. Instrumen undang-undang yang dikenali sebagai Surat Kuasa Wakil (*Power of Attorney/PA*) merupakan konsep *wakalah* yang selari dengan hukum syarak seperti yang telah dibincangkan di atas. Instrumen ini sangat sesuai digunakan bagi memudahkan urusan ahli waris yang tinggal sepanjang kehilangan pewaris. Selain daripada itu, pemilik harta juga boleh melantik pemegang amanah melalui Surat Ikatan Amanah yang bertanggungjawab mentadbir harta beliau sepanjang ketiadaannya tertakluk kepada Akta Pemegang Amanah 1949.

Surat Kuasa Wakil (Power of Attorney)

Surat Kuasa Wakil (PA) adalah satu dokumen perundangan atau instrumen pelantikan wakil kuasa oleh pemberi kuasa kepada penerima kuasa untuk membuat keputusan



atau melakukan sesuatu yang tertentu tertakluk di bawah peruntukan Akta Surat Kuasa Wakil 1949. Adalah menjadi hak mutlak pemberi kuasa untuk memberikan PA kepada sesiapa yang beliau kehendaki seperti peguam, pasangan, ahli keluarga, majikan dan institusi tertentu (Abdul Aziz, 2004).

Pemberian kuasa juga boleh dibuat secara am atau secara khusus dengan kuasa yang diberikan sama ada kuasa boleh batal atau kuasa tidak boleh batal mengikut keperluan dan keadaan masing-masing. Pelantikan wakil kuasa dan penerima kuasa perlu dinyatakan dengan jelas dalam dokumen PA.

Kuasa individu atau institusi yang mendapat PA bergantung kepada jenis yang diputuskan oleh pemberi kuasa. Jenis-jenis PA yang boleh dipilih oleh pemberi kuasa ialah Surat Kuasa Wakil Terhad (Limited PA), Surat Kuasa Wakil Tidak Terhad (Unlimited PA), Surat Wakil Kuasa Boleh Batal (Revocable PA), Surat Wakil Kuasa Tidak Boleh Batal (Irrevocable PA), dan Surat Wakil Kuasa Atas Balasan Yang Ada Nilai (PA For Valuable Consideration). Setiap PA mempunyai ciri-ciri, syarat pembatalan dan implikasi yang berbeza terhadap transaksi dan pemilikan pemberi kuasa (Abdul Aziz, 2004).

Jenis-jenis Surat Kuasa Wakil (Power of Attorney)

Surat Kuasa Wakil Terhad (Limited PA)

Merujuk kepada kuasa yang diberikan oleh Pemberi Kuasa (*Donor*) kepada Wakil Kuasa (*Donee*) untuk tujuan-tujuan tertentu dan terhad sahaja dalam tempoh masa tertentu dan terhad sahaja. Apabila tujuan atau tempoh masa tersebut telah berlaku ataupun selesai maka kuasa wakil yang diberikan itu tamat.

Sebagai contoh Ali (*Donor*) memberi kuasa kepada isterinya (*Donee*) untuk menguruskan akaun simpanannya untuk tempoh masa 24 bulan sahaja mulai daripada tarikh POA. Maka sebaik sahaja tempoh 24 bulan berakhir, maka PA tersebut berakhir dan terbatal.

Surat Kuasa Wakil Tidak Terhad (Unlimited PA)

Merujuk kepada kuasa yang tidak terhad yang diberikan oleh *Donor* kepada *Donee* untuk tempoh masa yang tidak terhad atau selama-lamanya. Kuasa yang diberikan tersebut dianggap berkekalan selama-lamanya melainkan ianya ditarik balik oleh *Donor* dengan persetujuan *Donee* atau kuasa tersebut diserahkan semula oleh *Donee* kepada *Donor* atas kerelaannya atau sekiranya salah seorang daripadanya meninggal dunia, atau hilang ingatan atau disahkan bankrap.

Seksyen 6(1)(a) Akta Surat Kuasa Wakil 1949 memperuntukkan:

6. (1) If a power of attorney, given for valuable consideration, is in the instrument creating the power expressed to be irrevocable, then, in favour of a purchaser—



(a) the power shall not be revoked at any time, either by anything done by the donor of the power without the concurrence of the donee of the power, or by the death, marriage, mental disorder, unsoundness of mind, or bankruptcy of the donor of the power;

Misalnya Ali (*Donor*) memberi kuasa kepada rakannya Saleh (*Donee*) untuk memajukan tanahnya dengan tanaman pokok buah-buahan sehingga mengeluarkan hasil yang berpanjangan. Maka selagi tanah itu dimajukan oleh Saleh tanaman pokok buah-buahan dan ianya mengeluarkan hasil, maka kuasa tadi dianggap akan tetap berkekalan melainkan ianya ditamatkan oleh Ali dengan persetujuan Saleh atau kuasa tersebut diserahkan semula oleh Saleh kepada Ali atau sekiranya salah seorang daripada mereka meninggal dunia atau tidak siaman atau bankrap.

Surat Wakil Kuasa Boleh Batal (*Revocable PA*)

PA jenis ini boleh dibatalkan oleh *Donor* pada bila-bila masa walaupun tanpa persetujuan daripada *Donee*. Contohnya Ali (*Donor*) memberi *Revocable PA* kepada Siti (*Donee*) untuk menguruskan tanahnya. Ali boleh pada bila-bila masa membatalkan PA tersebut walaupun tanpa persetujuan daripada Siti.

Surat Wakil Kuasa Tidak Boleh Batal (*Irrevocable PA*)

PA yang diberikan tidak boleh sewenang-wenangnya dibatalkan oleh *Donor* melainkan dengan persetujuan *Donee* ataupun *Donee* menyerahkan semula kuasa tersebut kepada *Donor* dengan kerelaannya, atau sekiranya salah seorang daripadanya meninggal dunia, hilang ingatan atau disahkan bankrap.

Sebagai contoh Ali (*Donor*) memberi *Irrevocable PA* kepada Salman (*Donee*) untuk memajukan tanahnya. Kuasa wakil tadi dianggap tidak boleh dibatalkan melainkan ianya ditamatkan oleh Ali dengan persetujuan Salman atau kuasa tersebut diserahkan semula oleh Salman kepada Ali atas kerelaannya. Selain itu PA tersebut boleh terbatal sekiranya salah seorang daripada mereka meninggal dunia, tidak siaman atau bankrap.

Surat Wakil Kuasa Atas Balasan Yang Ada Nilai (*PA For Valuable Consideration*)

Merujuk kepada wakil kuasa yang diberikan oleh *Donor* kepada *Donee* tertakluk satu balasan yang bernilai yang diberikan oleh *Donee* kepada *Donor*. PA seperti ini menjadikan *Donor* tetap berkuatakuasa sehinggalah balasan tersebut sempurna keseluruhannya.

Contohnya Ali memberi pinjam wang sebanyak RM20 ribu kepada Rashid. Sebagai balasannya, Rashid menyerahkan tanahnya dan memberi kuasa kepada Ali untuk memajukan tanah tersebut. Segala hasilnya akan dijual oleh Ali sehinggalah selesai hutang tersebut.



Melantik Pemegang Amanah Menerusi Surat Ikatan Amanah

Amanah adalah satu tanggungjawab yang wujud apabila seseorang atau satu entiti yang sah (yang dikenali sebagai pembuat amanah) memindahkan hak pemilikan asetnya secara sah kepada mana-mana orang atau beberapa orang (dikenali sebagai pemegang amanah) untuk memegang harta tersebut bagi kepentingan benefisiarinya sama ada individu atau sebaliknya. Ia adalah salah satu mekanisme di dalam pengurusan harta orang Islam selain daripada wakalah yang boleh digunakan untuk pelbagai tujuan seperti pendidikan, saraan hidup, kebajikan dan takaful. (Hailani, 2008); (Hamidah, 2007).

Pemegang Amanah menjadi pemilik yang sah bagi aset amanah apabila aset tersebut dipindahkan kepada mereka. Dalam hal ini, pemegang amanah diberi kepercayaan untuk melaksanakan sesuatu tanggungjawab bagi pihak pemilik aset atau bagi pihak orang lain yang berkepentingan dengan aset tersebut.

Untuk mewujudkan ikatan Pemegang Amanah yang sah, satu surat cara Ikatan Amanah akan ditandatangani oleh pemberi amanah dan pemegang amanah seperti yang terkandung di dalam Akta Pemegang Amanah 1949. Pemegang Amanah berperanan menjaga kepentingan orang yang hartanya dipegang dan menyerahkan semula harta tersebut serta menjelaskannya apabila dikehendaki mengikut terma-terma amanah tersebut. Maksudnya, Pemegang Amanah tidak boleh sewenang-wenangnya menjual atau memindahmilik aset tersebut kepada pihak-pihak lain melainkan dengan persetujuan daripada pemberi amanah itu sendiri (Hailani, 2008); Hamidah, 2007).

Pemilihan untuk melantik pemegang amanah perlu dilakukan dengan cara yang betul kerana pemegang amanah mempunyai tugas serta tanggungjawab berat dan peranannya amat penting. Justeru pembuat amanah perlu memastikan sesiapa juga dipilih sebagai pemegang amanah sama ada orang perseorangan, institusi atau syarikat amanah perlu benar-benar memahami tanggungjawab dan mampu melaksanakannya dengan penuh amanah dan adil.

KESIMPULAN

Sistem Pewarisan Islam mengandungi aturan hukum yang bertujuan menjamin keadilan dan masalah pemilik harta dan ahli waris. Kehilangan pemilik harta dalam tempoh yang lama mendatangkan kerumitan kepada ahli keluarga dan waris untuk menguruskan harta dan melaksanakan tanggungjawab yang ditinggalkan. Justeru pelbagai instrumen pentadbiran harta diperuntukkan oleh syarak demi memudahkan urusan keluarga dan ahli waris sepanjang kehilangan pemiliknya. Pemilik harta hendaklah merancang pentadbiran hartanya seperti menggunakan instrumen wadiah secara Surat Ikatan Amanah dan wakalah secara Surat Kuasa Wakil terhadap pemilikannya sebagai persediaan sekiranya berlaku sesuatu yang tidak dijangka seperti hilang dalam tempoh yang lama. Manakala dalam keadaan pemilik harta hilang tanpa berita dan tidak mewakilkan kepada sesiapa untuk mentadbir hartanya



maka ahli keluarga boleh memohon perintah mahkamah untuk mendapat keizinan tersebut. Pihak mahkamah boleh melantik pentadbir harta sama ada dalam kalangan ahli waris atau pihak lain yang diyakini mampu menjalankan tugas-tugas pentadbiran dan menjaga kemaslahatan pihak-pihak yang terlibat. Pentadbiran ini adalah bersifat sementara dan terhad kepada perkara-perkara tertentu sahaja dan berakhir dengan kepulangan pemilikinya atau perintah anggapan mati oleh mahkamah.

RUJUKAN

Abdul Aziz Hussin. 2004. *Surat Kuasa Wakil*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Akta Pemegang Amanah 1949.

Akta Surat Kuasa Wakil 1949.

Al-Bahuti, Mansur Yunus. 1982. *Kasyaf al-Qina' 'an Matan al-Iqna'*. Beirut: Dar al-Fikr.

_____. 1980. *Al-Raud al-Murabba'*. Riyadh: Maktabah al-Riyadh.

Al-Baihaqi, Ahmad Hussin Ali. t.t. *Al-Sunan al-Kubra*. Beirut: Dar al-Makrifah.

Al-Bugha, Mustafa et al. 2005. *Al-Fiqh al-Manhaji*. Damsyik: Dar al-Qalam.

Al-Darqutni. Ali bin Umar. 2001. *Sunan al-Darqutni*. Riyadh: Dar al-Muayyad.

Al-Dusuqi. Shamsuddin Muhammad bin 'Arafah. t.t. *Hasyiah Dusuqi 'ala al-Syarh al-Kabir*. Beirut: Dar 'Ihya' al-Kutb al-'Arabiah.

Al-Nawawi, Yahya bin Sharaf. 1992. *Raudhah al-Talibin*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah.

Al-Jaziri, 'Abd al-Rahman bin Muhammad. 2001. *Al-Fiqh 'ala al-Madzahib al-Arba'ah*. Kaherah: Muassasah al-Mukhtar.

Al-Mardawi. Ala' al-Din Abu al-Hasan bin Sulaiman. 1958. *Al-Insaf fi Makrifat al-Rajih min al-Khilaf*. Beirut: Dar 'Ihya' al-Turath al-'Arabi.

Al-Mausili, 'Abdullah Mahmud Maudud. t.t. *Al-Ikhtiar li Ta'lil al-Mukhtar*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah.

Al-Ramli, Shamsuddin Muhammad bin Ahmad Shihabudin. 1968. *Nihayat al-Muhtaj ila Adillah al-Minhaj*. Kaherah: Mustafa al-Babi al-Halabi.

Al-Sabuni, Muhammad 'Ali. 1985. *Al-Mawarith fi al-Shari'ah al-Islamiyyah*. Beirut: Dar al-Fikr.



- Al-Sarkhasi, Shamsuddin Abu Bakr Muhammad bin Ahmad. 1986. *Al-Mabsut*. Beirut: Dar al-Makrifah.
- Al-Shirbini, Shamsuddin Muhammad bin Ahmad al-Khatib. 2000. *Mughni al-Muhtaj ila Ma'rifat Ma'ani Alfaz al-Minhaj*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah.
- Al-Tirmizi. Muhammad bin Isa bin Surah. 2004. *Sunan al-Tirmizi*. Kaherah: Dar Ibn Al-Haitham.
- Al-Zaila'i, Fakhruddin Uthman bin 'Ali. 1896. *Tabyin al-Haqaiq Syarh Kanz al-Daqa'iq*. Bulaq: al-Matba'ah al-Amiriah.
- Al-Zaila'i, Jamal al-Din Abdullah Yusof. 1995. *Nasb al-Rayah fi Takhrij Ahadith al-Hidayah*. Beirut: Dar al-Hadis.
- Al-Zuhayli, Wahbah. 1997. *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*. Damsyiq: Dar al-Fikr.
- Fatwa Mufti Kerajaan Brunei Darussalam. 1999. *Anggapan Orang Hilang*. Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.
- Hailani Muji Tahir. 2008. *Pengurusan Harta dan Wang Tidak Dituntut di Amanah Raya Berhad*. Konvensyen Kebangsaan Pengurusan Harta Pusaka, Wasiat dan Wakaf. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hamidah Mohamad Hasan. 2007. *Amalan Peramanahan Harta: Kajian di Amanah Raya Berhad*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- http://ww1.utusan.com.my/utusan/Ekonomi/20130926/ek_02/RM66b-harta-tidak-dituntut. 26 September 2013. (Capaian pada 15 November 2018).
- <https://www.bharian.com.my/node/138450>, RM60b harta umat Islam tidak dituntut. (Capaian pada 02 November 2018).
- <https://www.bharian.com.my/node/3844>, MH370: Tiga negara setuju seragam media salur maklumat pencarian. (Capaian pada 01 September 2018).
- Ibn al-Humam. Kamal al-Din Muhammad bin 'Abd al-Wahid. 1993. *Syarah Fath al-Qadir*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah.
- Ibn 'Abidin, Muhammad Amin. 2003. *Radd al-Mukhtar 'ala a-Dur al-Mukhtar fi Syarh Tanwir al-Absar*; Hashiyah Ibn 'Abidin. Riyadh: Dar 'Alam al-Kutub.
- Ibn Nujaym, Zainuddin Ibrahim Muhammad. 1997. *Al-Bahr al-Raiq Syarh Kanz al-Daqa'iq*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah.



The current issue and full text archive of this journal is available at
<http://journal.kuis.edu.my/muwafaqat>

Ibn Qudama, Mawaffaq ad-Din aAbdullah ibn Ahmad al-Maqdisi. 1998. *Al-Mughni 'ala Mukhtasar al-Khiraqi*. Riyadh: Dar 'Alam al-Kutub.

Malik bin Anas. 1994. *Al-Mudawwanah al-Kubra*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah.

Saqqa, 'Abd al-Mun'im. 2008. *Ahkam al-Ghaib wa al-Mafqud fi al-Fiqh al-Islami*. Damsyiq: Dar al-Nawadeer.